



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGALAMAN RESIDEN MENJALANI RAWATAN DAN PEMULIHAN
BERASASKAN PENDEKATAN *Therapeutic Community* DI PUSAT
PEMULIHAN DAN PENJAGAAN DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA***

NURFATIN AFZA BINTI MOHAMAD MURAD

FEM 2018 25



**PENGALAMAN RESIDEN MENJALANI RAWATAN DAN PEMULIHAN
BERASASKAN PENDEKATAN *Therapeutic Community* DI PUSAT
PEMULIHAN DAN PENJAGAAN DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

NURFATIN AFZA BINTI MOHAMAD MURAD

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

April 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGALAMAN RESIDEN MENJALANI RAWATAN DAN PEMULIHAN
BERASASKAN PENDEKATAN *Therapeutic community* DI PUSAT
PEMULIHAN DAN PENJAGAAN DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

NURFATIN AFZA BINTI MOHAMAD MURAD

April 2018

Pengerusi : Nobaya Ahmad, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Penyelidikan ini telah dijalankan di Rumah Pengasih di Kuala Lumpur. Kajian telah memfokuskan pengalaman informan kajian menyertai program rawatan dan pemulihan menggunakan pendekatan *Therapeutic Community*, aktiviti yang paling memberi kesan dan elemen penting yang perlu ada dalam diri residen untuk kekal bebas dadah. Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah kualitatif berasaskan rekabentuk kajian kes tunggal. Teknik pengumpulan data menggunakan kaedah pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik serta temubual mendalam ke atas 22 informan yang sedang menjalani proses rawatan dan pemulihan dadah di pusat tersebut. Hasil temubual dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian Atlas ti. Dapatan penyelidikan mendapati pengalaman informan mengikuti program rawatan dan pemulihan menggunakan pendekatan *Therapeutic Community* berpaksikan konsep kekeluargaan, tekanan rakan sebaya, sesi terapi, sesi agama dan contoh tauladan. Aktiviti perkongsian berkumpulan, cara berkomunikasi dengan orang lain, ilmu keagamaan, sesi *encounter*, *booking*, *confrontation* dan berdikari dalam pengurusan diri adalah elemen yang memberi kesan dalam diri informan kajian. Dapatan kajian juga menemukan elemen penting yang perlu ada dalam diri untuk bebas dadah iaitu kesediaan untuk berubah, mendengar nasihat, arahan dan patuhi arahan serta melibatkan diri dengan aktif dalam program.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**RESIDENCE EXPERIENCE WITH TREATMENT AND RESTORATION
THERAPEUTIC COMMUNITY APPROACH APPROVED IN KUALA
LUMPUR, MALAYSIA RECOVERY AND CARE CENTER**

By

NURFATIN AFZA BINTI MOHAMAD MURAD

April 2018

Chairman : Nobaya Ahmad, PhD
Faculty : Human Ecology

This research was conducted at the Rumah Pengasih in Kuala Lumpur. The study focused on the informants' experiences while participating in the treatment and rehabilitation program using the Therapeutic Community approach and the activities that affected them and they feel most important to remain drug free. This research employed qualitative method using single case study. The data collection technique was observation method and in-depth interviews on 22 informants undergoing drug treatment and rehabilitation at the centre. The findings were analyzed using thematic analysis assisted by the Atlas ti software. Research findings showed that the informants experiences while undergoing treatment and rehabilitation program using the Therapeutic Community approach was based on family concepts, peer pressure, therapy sessions, religious sessions and model societies. Group sharing activities, how to communicate with others, religious knowledge, encounter sessions, booking, confrontation and independent self-management are inputs that impacted on the informants. The findings also found important elements that is needed to be drug free are readiness to change, listen to advice, follow directives and instructions and actively participating in the program.

PENGHARGAAN

Segala puji dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kajian ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak. Penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Nobaya Ahmad selaku penyelia utama serta Prof. Madya Dr. Hanina Halimatusaadiyah Hamsan penyelia kedua di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dorongan dan bantuan yang diberi sepanjang pengajian saya. Jasa mereka berdua akan sentiasa dikenang.

Ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Persatuan PENGASIH Malaysia di atas kerjasama yang diberikan. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada Datuk Mohd Yunus Pathi Mohd (Yang Dipertua Persatuan PENGASIH Malaysia), Encik Hafizi Harun (Kaunselor PENGASIH) dan kepada residen PENGASIH yang memberikan kerjasama yang baik dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih buat suami saya, Muhammad Ikram Husaini bin Saidin kerana sentiasa memberi semangat, sokongan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu dan ayah saya, Che Sa binti Mohd Yusof dan Mohamad Murad bin Jamaat di atas pengorbanan, sokongan dan bantuan sepanjang menyiapkan tesis ini serta ahli keluarga yang sentiasa memberi galakan.

Semoga Allah sentiasa melimpahi rahmat kepada semuanya, InsyaAllah Amin.

NURFATIN AFZA BINTI MOHAMAD MURAD

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nobaya Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Halimatusaadiah Hamsan, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nurfatin Afza Binti Mohamad Murad, GS41286

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Nobaya Ahmad

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr.Halimatusaadia Hamsan

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUL	x
SENARAI RAJAH	xi

CHAPTER

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Skop dan Batasan Kajian	9
1.7	Kerangka Konseptual	10
1.8	Definisi	11
	1.8.1 Definisi Konsep	12
	1.8.2 Definisi Operasional	12
2	TINJAUAN LITERATUR	14
2.1	Rawatan dan Pemulihan Dadah	14
2.2	Modaliti Rawatan dan Pemulihan	15
	2.2.1 Pendekatan Tingkah Laku	16
2.3	Intervensi Sosial	17
2.4	<i>Therapeutic Community</i>	19
2.5	<i>Therapeutic Community</i> dalam rawatan dan pemulihan dadah	21
2.6	Pendayaupayaan Komuniti	22
3	METODOLOGI KAJIAN	25
3.1	Reka bentuk Kajian	25
3.2	Lokasi Kajian	25
3.3	Populasi Kajian	25
3.4	Persampelan Kajian	25
3.5	Pengumpulan Data	26
	3.5.1 Temubual	28

3.5.2	Pemerhatian	28
3.6	Protokol temubual dan pemerhatian	29
3.7	Penganalisaan Data	29
3.8	Kerangka Metodologi	30
3.9	Keboleh Percayaan dan Kesahan	31
3.9.1	Tringulasi dalam Penyelidikan	31
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	33
4.1	Temu bual Informan	33
4.2	Ciri Demografi Informan	33
4.2.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Informan Mengikut Peringkat Rawatan	34
4.2.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Informan Mengikut Jantina Informan	35
4.2.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Informan Mengikut Taraf Perkahwinan	35
4.2.4	Taburan Bilangan Informan Mengikut Peringkat Umur	36
4.2.5	Taburan Bilangan Informan Mengikut Dadah Pilihan	36
4.3	Menelusuri Pengalaman Residen Dalam Program Rawatan Dan Pemulihan Dadah Menggunakan Pendekatan <i>Therapeutic Community</i> Di Rumah Pengasih Bukit Tunku, Kuala Lumpur.	37
4.4	Aktiviti paling memberi kesan kepada diri residen.	54
4.5	Elemen penting yang perlu ada dalam diri residen untuk kekal bebas daripada dadah dari perspektif residen.	60
4.6	Perbincangan Kajian	65
5	IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	70
5.1	Implikasi Kajian	70
5.2	Cadangan Kajian Akan Datang	71
	RUJUKAN	73
	LAMPIRAN	80
	BIODATA PELAJAR	92
	SENARAI PENERBITAN	93

SENARAI JADUL

Jadual	Muka surat
1 Statistik jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut status kes	2
2 Bilangan Penagih dalam Program Rawatan dan Pemulihan, 2010-2015	3
3 Statisitk sebab mula guna dadah, 2012-2016	5
4 Peringkat Rawatan Informan	34
5 Bilangan informan mengikut peringkat umur	36
6 Bilangan informan mengikut dadah pilihan	36
7 Klien Rumah Pengasih Tahun 2012	80
8 Klien Rumah Pengasih Tahun 2013	81
9 Klien Rumah Pengasih Tahun 2014	82
10 Klien Rumah Pengasih 2015	82
11 Klien Rumah Pengasih Program Rawatan Pemulihan Peringkat Sekunder (Re-Entry) Tahun 2012-2015	83
12 Jadual Keseluruhan Aktiviti Tempatan 2012-2015	84
13 Penglibatan Peringkat Antarabangsa	86
14 Protokol Kajian	90

SENARAI RAJAH

Rajah	Mula surat
1 Kerangka Konseptual	11
2 Bilangan Informan Mengikut Jantina	35



BAB 1

PENDAHULUAN

Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) adalah sebuah institusi pemulihan untuk penagih dadah yang dikendalikan oleh orang perseorangan atau NGO seperti pertubuhan atau syarikat. PPDP menyediakan peluang dan pilihan kepada penagih-penagih dadah untuk mengikuti program-program pemulihan selain dari Pusat-Pusat Pemulihan yang dikendalikan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Terdapat pelbagai kaedah serta pendekatan rawatan dan pemulihan seperti sokong bantu rakan sebaya, terapi kekeluargaan, perubatan tradisional, kerohanian/ keagamaan (islam, kristian, buddha), penggunaan ubat-ubatan (tradisional ataupun moden), kaunseling, detoksifikasi, narkotik anonymous (NA) dan *Therapeutic Community* (TC) yang telah digunakan untuk membantu kepulihan.

Penubuhan PPDP perlu mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 16 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan 1983). Seksyen ini memperuntukan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk meluluskan atau menolak permohonan mana-mana orang perseorangan atau badan atau pertubuhan yang mengendalikan PPDP bagi tujuan memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah. Akta yang sama juga memperuntukan kuasa supaya sesebuah PPDP hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

1.1 Latar Belakang Kajian

Penagihan dadah merupakan salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh Malaysia. Menurut (Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, 2016), tren penagihan dadah dari tahun 2010 sehingga 2016, terdapat penurunan dan pertambahan bilangan penagih yang dikesan mengikut status kes. Penurunan ketara dari tahun 2010 dengan 17,238 orang penagih baru, tahun 2011 dengan 13, 683 orang penagih baru dan tahun 2012 dengan 10,301 orang penagih baru. Bilangan penagih berulang turut mencatatkan penurunan dengan tahun 2010 seramai 6,404 orang penagih berulang, pada tahun 2011 dengan 5,848 orang penagih berulang dan 2012 dengan 4,800 orang penagih berulang. Namun, statistik ini tidak terus mencatatkan penurunan bilangan penagih dadah apabila tahun 2013 bilangan penagih baru dan berulang mencatatkan penambahan. Tahun 2013 seramai 13, 481 bilangan penagih baru dan 7,406 penagih berulang. Lebih membimbangkan pada tahun 2014 statistik ini tidak menurun malah turut berlaku peningkatan dengan seramai 13, 605 orang penagih baru dan 8, 172 orang penagih berulang. Begitu juga pada tahun 2015 penagih baru seramai 20,289 orang dan penagih berulang seramai 6,379 orang. Jumlah ini agak membimbangkan banyak pihak kerana bilangan penagih baru dan penagih berulang semakin meningkat. Pada 2016 seramai 30, 846 jumlah keseluruhan penagih dadah dikesan dengan 22, 924 orang penagih baru dan 7, 922 orang penagih berulang.

Jadual 1 : Statistik jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut status kes

JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN MENGIKUT STATUS KES, 2010-2016			
Tahun	Baru	Berulang	Jumlah
2010	17, 238	6, 404	23, 642
2011	13, 683	5, 848	19, 531
2012	10, 301	4, 800	15, 101
2013	13, 481	7, 406	20, 887
2014	13, 605	8, 172	21, 777
2015	20, 289	6, 379	26, 668
2016	22, 923	7, 921	30, 844

Laporan Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK 2010-2016)

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa untuk membendung kes penagih baru serta penagih berulang. Program pencegahan seperti program pendidikan pencegahan dadah di institusi pendidikan, tempat kerja, komuniti serta program pendidikan pencegahan kesedaran awam telah dilaksanakan dengan tujuan membendung penagih baru. Manakala, bagi membendung penagih berulang, pihak AADK telah melaksanakan pelbagai rawatan, perubatan dan pemulihan seperti *Klinik Cure and Care 1 Malaysia*, *Cure and Care Service Centre*, *Caring Community House* (CCH) atau Rumah Komuniti, *PUSPEN Triage* dan PUSPEN. Kemasukan penghuni ke PUSPEN/CCRC adalah bergantung kepada penempatan yang ditetapkan di peringkat *Triage* melalui Seksyen 17 APD (R&P) 1983.

Jadual 2 : Bilangan Penagih dalam Program Rawatan dan Pemulihan, 2010-2015

BILANGAN PENAGIH DALAM PROGRAM RAWATAN & PEMULIHAN, 2010-2015					
TAHUN	PEMULIHAN DALAM KOMUNITI	PUSPEN/ CCRC	PUSAT PEMLIHAN DADAH PERSENDIRIAN	PENJARA	JUMLAH
2010	52,833 77.56%	5,400 7.93%	2,016 2.96%	7,867 11.55%	68,116 100%
2011	56,134 73.43%	4,861 6.36%	1,859 2.43%	13,588 17.78%	76,442 100%
2012	52,925 71.92%	5,473 7.44%	2,028 2.76%	13,159 17.88%	73,585 100%
2013	47,161 75.84%	5,136 8.26%	1,694 2.72%	8,192 13.17%	62,183 100%
2014	42,228 67.02%	5,456 8.66%	1,823 2.89%	13,499 21.42%	63,006 100%
2015	46,139 54.42%	5,726 6.75%	1,854 2.19%	31,068 36.64%	84,787 100%

Sumber: Buku Maklumat Dadah Agensi Antidadah Kebangsaan 2010-2015

Selain pihak kerajaan, pihak swasta turut sama mengembleng tenaga bagi memerangi masalah dadah di Negara kita. Berdasarkan (Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, 2016), sejumlah 82 buah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) yang aktif dan hanya 43 buah PPDP yang berdaftar untuk menjalankan aktiviti rawatan dan pemulihan dadah secara sukarela.

Institut Pengasih Malaysia merupakan salah satu Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) yang telah diilhamkan empat sekawan yang pernah menghuni Pusat Serenti yang sama. Mereka ialah Tuan Hj Yunus Pathi Mohd, Tuan Hj Ramli Samad, Saudara Kipol Masli, dan saudara Hashim Abdul Karim. Mereka seringkali berjumpa selepas keluar dari Pusat Serenti. Mereka juga dijemput untuk mengadakan ceramah atau seminar di Pusat Serenti. Setelah berbincang, maka tercetuslah idea untuk menubuhkan sebuah pusat rawatan dan pemulihan untuk bekas penagih.

Sehubungan dengan itu, mereka telah membuat permohonan untuk membina sebuah pusat rawatan dan pemulihan bagi mengelakkan bekas penagih untuk terus menggunakan dadah. Cadangan tersebut dinyatakan kepada Pengarah Rawatan dan Pemulihan dan kemudiannya diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Atas bantuan kewangan dari Kementerian Kesihatan, JAKIM, JAWI dan Baitulmal, pada 1987, Rumah Pengasih Malaysia telah ditubuhkan di atas tanah rezab kerajaan seluas 62 hektar di Bukit Tunku, Kuala Lumpur. Institusi Pengasih telah menjadi pemangkin kepada pusat pemulihan lain yang wujud di Malaysia. Persatuan Pengasih telah

menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti kebajikan terutama berkaitan dengan rawatan dan pemulihan dadah dan turut merancang bersama dalam menyeru kearah pencegahan dadah. Ia diasaskan atas semangat untuk membantu rakan sebaya dan berbakti kepada masyarakat. Tuan Hj Ramli bin Abdul Samad merangkap sebagai presiden pertama Persatuan Pengasih Malaysia yang menyandang jawatan dari tahun (1992-1994) kemudian diambil alih pula oleh Tuan Hj Yunus Pathi Mohd ¹ pada tahun 1995 sehingga hari ini. Institusi Pengasih atau Persatuan Bekas Pengasih ialah sebuah pusat rawatan dan pemulihan persendirian yang diwartakan kerajaan. Institusi Pengasih bermula sebagai kumpulan *self help* pada 1987 dan kemudiannya bertukar kepada badan bukan kerajaan pada 25 September 1991. Institusi Pengasih berpegang kepada visi, dikenali di peringkat antarabangsa sebagai sebuah institusi dan pusat ilmu pengetahuan yang menggunakan pendekatan holistik dalam rawatan dan pemulihan. Institusi Pengasih kini dalam misi untuk mengurangkan permintaan terhadap dadah haram di Asia dengan mengembangkan dan mengatur kaedah efektif dalam intervensi rawatan dan pemulihan.

Moto Pengasih adalah Pengasih membuat perubahan (*Pengasih makes a difference*). Residen adalah panggilan untuk penagih dadah yang menjalani rawatan dan pemulihan di institusi Pengasih. Residen yang diterima masuk ke institusi berkenaan adalah secara sukarela sama ada daripada pihak keluarga atau atas kerelaan penagih itu sendiri. Setiap residen dikenakan bayaran bulanan untuk keperluan serta wang saku yang biasanya ditanggung oleh pihak keluarga. Tujuan sesebuah agensi rawatan dan pemulihan ditubuhkan adalah untuk merawat, memulih dan mencegah penagihan semula dalam kalangan penagih dadah bagi membolehkan mereka berfungsi semula sebagai anggota masyarakat yang produktif.

Pengasih adalah pusat rawatan dan pemulihan dadah yang menggunakan pendekatan berteraskan *Therapeutic Community* di mana komuniti yang terdiri daripada mereka yang sedang dalam proses rawatan dan pemulihan membantu sesama sendiri untuk mencapai kepulihan. Pada tahun 1991 'De Haan' (*Belgium*) mengadakan perjumpaan bersama *European Federation* tentang *Therapeutic Communities*. Konsep tentang bebas dadah dalam *Therapeutic Community* bermaksud seperti di bawah:

Therapeutic Community adalah persekitaran yang bebas dadah di mana orang yang pernah ketagihan dadah (atau lain-lain) masalah tinggal bersama-sama dalam satu organisasi terancang dan kehidupan yang lebih berstruktur bagi menggalakkan perubahan dan bebas dadah dalam masyarakat di luar kelak. *Therapeutic Community* membentuk satu komuniti kecil di mana residen dan kakitangan berperanan sebagai

¹ Dilahirkan di Batu Gajah Perak, pada tahun 1955. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Anglo School hingga Tingkatan Lima, terlibat dalam kancah penagihan selama 10 tahun dan telah menjalani pemulihan di Pusat Serenti di Terengganu. Apabila keluar beliau telah menjadi sukarelawan sebagai penceramah bebas. Akhirnya pada tahun 1983, beliau telah dihantar oleh pihak kerajaan ke Dayton, AS menjalani khusus TC di sana. Apabila beliau pulang ke Malaysia, beliau telah menubuhkan PENGASIH dengan kerjasama beberapa rakan yang seangkatan dengannya pada masa itu.

fasilitator, memenuhi peranan tersendiri dan mematuhi peraturan, kesemuanya direka bentuk untuk menggalakan perubahan positif residen. Membantu diri sendiri serta saling membantu sesama residen adalah tunggak utama proses *therapeutic* di mana residen bertanggungjawab untuk mencapai peningkatan positif dalam kehidupan peribadi, menyedari kehidupan lebih bermakna dan bertanggungjawab dengan kehidupan sendiri, serta mampu menegakkan kebajikan masyarakat. Program ini adalah secara sukarela, atas kehendak individu. (Broekaert, Kooyman, & Ottenberg, 1993).

Jadual 3 : Statistik sebab mula guna dadah, 2012-2016

STATISTIK SEBAB MULA MENGGUNA DADAH, 2012-2016										
TAHUN	A	B	C	D	E	F	G	H	TIADA MAKLUMAT	JUMLAH
2012	2,106	6,004	3,171	162	199	41	751	1,849	818	15,101
	13.95%	39.76%	21.00%	1.07%	1.32%	0.27%	4.97%	12.24%	5.42%	100%
2013	1,663	11,935	3,824	185	458	19	2,566	711	0	21,361
	7.79%	55.87%	17.90%	0.87%	2.14%	0.09%	12.01%	3.33%	0.00%	100%
2014	2,270	13,466	3,221	174	461	25	1,986	752	0	22,355
	10.15%	60.24%	14.41%	0.79%	2.06%	0.11%	8.88%	3.36%	0.00%	100%
2015	2,550	16,943	4,523	206	617	9	1,572	1,059	0	27,479
	9.28%	61.66%	16.46%	0.75%	2.25%	0.03%	5.72%	3.85%	0.00%	100%
2016	3,944	17,990	5,618	145	698	17	1,910	1,442	0	31,764
	12.42%	56.64%	17.69%	0.46%	2.20%	0.05%	6.01%	4.54%	0.00%	100%

UMUR	A	B	C	D	E	F	G	H	TIADA MAKLUMAT	JUMLAH
PURATA (5 THN)	2,507	13,268	4,071	174	487	22	1,757	1,163	164	23,612
	10.62%	56.19%	17.24%	0.74%	2.06%	0.09%	7.44%	4.93%	0.69%	100%

Petunjuk:

A Untuk keseronokan	E Menahan kesakitan
B Pengaruh kawan	F Secara tidak sengaja
C Perasaan ingin tahu	G Tekanan jiwa
D Rangsangan	H Lain-lain

(Sumber Laporan AADK, 2012-2016)

Jadual 3 adalah statistik sebab mula guna dadah dari tahun 2010-2016. Antara sebab yang dinyatakan oleh penagih dadah adalah untuk keseronokan, pengaruh kawan, perasaan ingin tahu, rangsangan, menahan kesakitan, secara tidak sengaja, tekanan jiwa, lain-lain sebab dan tiada maklumat berkaitan dengan penyebab mereka menggunakan dadah.

Sebab guna dadah yang didapati daripada statistik 2010-2016 yang dikeluarkan oleh AADK seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mencatatkan pengaruh kawan adalah sebab guna dadah paling tinggi dengan sebanyak 10,214 pada tahun 2010, 7,691 pada tahun 2011, 6,004 pada tahun 2012, 11,935 pada tahun 2013, 13,466 pada tahun 2014, 16,943 pada tahun 2015 dan 17,990 pada tahun 2016.

Bandura (1977) menyatakan latihan pemerhatian atau *modeling* adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif. Teori pembelajaran sosial merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. (Bandura, 1973). Mahmood (2001) menyatakan tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep sendiri individu. Oleh sebab manusia dipengaruhi oleh persekitaran mereka, maka remaja akan memilih salah satu daripada pengaruh persekitaran mereka untuk dicontohi. Sebagai contoh, jika tingkah laku negatif ditunjukkan oleh ibu bapa, maka remaja akan terikut-ikut kepada tingkah laku ibu bapa tersebut. Jika tingkah laku negatif daripada rakan sebaya remaja, ia turut akan menjadi ikutan remaja. Individu sangat dipengaruhi oleh tingkah laku negatif persekitaran sekeliling.

Fauziah Ibrahim dan Ezarina Zakaria (2014) menyatakan pengaruh rakan sebaya dilihat memberi impak yang kuat untuk membawa perubahan sama ada positif atau negatif dalam usaha melahirkan "*role model*" yang terbaik khususnya dalam kalangan remaja. Justeru, jika penagih dadah terjebak dalam kancang dadah dek pengaruh negatif rakan sebaya dan faktor sekeliling mereka, tidak mustahil mereka boleh berubah kearah positif dengan bantuan dan pengaruh sekeliling mereka. Selari dengan tunggak *Therapeutic Community* dalam program rawatan dan pemulihan menekankan konsep kekeluargaan, tekanan rakan sebaya, sesi terapi, sesi agama dan contoh tauladan.

1.2 Penyataan Masalah

Usaha pemulihan dadah merupakan satu cabaran bagi ahli-ahli psikologi, kaunselor dan pekerja sosial zaman ini. Pelbagai pendekatan serta kaedah yang telah diusahakan seperti memberi dadah gantian (Kirby & Lamb, 1995), latihan ala ketenteraan (Mahmood N. M., Shuaib, Lasimon, Rusli, & Md Dzahir, 1999), rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan penyucian spiritual (Mahmood, Shuaib, & Ismail, 1998), modifikasi tingkah laku (Monty & Rohsenow, 1997), pemulihan psikologi (Calaghan, Benton, & Bradley, 1995) dan psikoterapi (Curran, Helene, & Stephen, 2000) masih belum berupaya menunjukkan hasil yang memberansangkan dalam memulihkan pesakit dari penagihan dadah. Pelbagai faktor menentukan sama ada usaha memulihkan penagihan dadah akan membuahkan hasil. Antara faktor-faktornya adalah modaliti yang digunakan, profil penagih dadah, tenaga pakar yang mengusahakan rawatan dan motivasi penagih untuk pulih. (Mahmood N. M., Shuaib, Lasimon, Rusli, & Md Dzahir, 1999).

Pihak berkuasa khususnya pihak kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan masalah penagihan yang semakin serius di negara ini. Namun, tiada tanda positif yang menunjukkan masalah ini berkurangan. Peningkatan penagihan dari tahun ke tahun semakin meningkat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Walaupun pihak kerajaan telah menghabiskan belanja yang besar dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti untuk mengurangkan jumlah penagihan, namun usaha menunjukkan jalan buntu. Ini menunjukkan bahawa program-program yang sedia ada dan dijalankan perlu dikaji semula untuk mengenalpasti kaedah yang berkesan untuk mengurangkan gejala penagihan dadah.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meninjau pengalaman residen Pengasih yang menjalani program rawatan dan pemulihan dadah yang mengamalkan pendekatan *Therapeutic Community* serta keunikan program Pengasih, kerana pendekatan yang digunakan Pengasih mempunyai perbezaan dengan kaedah pemulihan lain seperti ubatan dadah gantian. Pemulihan pendekatan *Therapeutic Community* di Pengasih adalah melalui kekuatan dalaman diri penagih itu sendiri. Pendekatan yang berbentuk sukarela, tanpa bantuan terapi ubatan gantian mahupun jadual pemulihan yang ketat dan ala ketenteraan, tetapi memerlukan sokongan yang mantap dari keluarga dan komuniti. Menurut En Sohaimi Ahmad Pengurus Rumah Pengasih dalam artikel Utusan Online bertarikh 24 April 2009, yang bertajuk Pengasih kembalikan kehidupan penagih dadah, Pengasih aktif dalam Persekutuan Komuniti Terapeutik Sedunia (WFTC) dan Asia (AFTC) serta sering bekerjasama dengan organisasi dari Amerika Syarikat (AS), Indonesia, Thailand, Maldives, Sri Lanka, Afrika Selatan, Korea Selatan, Singapura, Filipina, Pakistan dan India (Kamalludeen, 2009). Menurutnya lagi, Pengasih menggunakan pendekatan TC sejak tahun 1993 dan berjaya membina semula kehidupan lebih 3,500 bekas penagih alkohol dan dadah tegar tanpa kaedah kekerasan atau paksaan untuk bebas daripada ketagihan tersebut.

Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas, maka satu kajian menelusuri pengalaman residen menjalani rawatan dan pemulihan berasaskan pendekatan *Therapeutic Community* perlu dijalankan. Justeru, kajian ini juga melihat kepada mengapa sesuatu aktiviti itu dipilih oleh residen sebagai aktiviti yang memberi kesan dalam diri dan bagaimana residen dapat kekal bebas dadah.

1.3 Objektif Kajian

Beberapa objektif yang dirumuskan bagi mencapai matlamat di atas adalah seperti berikut:

1. Menelusuri pengalaman residen dalam program rawatan dan pemulihan dadah menggunakan pendekatan *Therapeutic Community* di Rumah Pengasih Bukit Tunku, Kuala Lumpur.

2. Mengenalpasti aktiviti yang paling memberi kesan kepada diri residen dalam program rawatan dan pemulihan dadah di Rumah Pengasih Bukit Tunku, Kuala Lumpur dari perspektif residen.
3. Mengenalpasti elemen penting yang perlu ada dalam diri residen untuk kekal bebas daripada dadah dari perspektif residen.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang diuraikan di atas, terdapat beberapa persoalan yang menjadi fokus kepada kajian ini:

1. Apakah pengalaman residen dalam melalui program rawatan dan pemulihan dadah menggunakan pendekatan *Therapeutic Community* di Rumah Pengasih Bukit Tunku, Kuala Lumpur?
2. Mengapakah sesuatu aktiviti dalam program *Therapeutic Community* dipilih oleh residen sebagai aktiviti paling memberi kesan dalam diri?
3. Bagaimana residen boleh kekal bebas dadah?

1.5 Kepentingan Kajian

